

821 terima darjah keputeraan Sultan Kedah

ALOR SETAR 13 Jan. — Setiausaha Kerajaan, Datuk Ismail Shafie dan Mufti Negeri, Datuk Paduka Sheikh Abdul Majid Mohd. Noor akan mengetuai 821 penerima darjah dan bintang kebesaran sempena ulangtahun hari keputeraan Sultan Kedah ke-73, di Istana Anak Bukit esok.

Ismail akan menerima darjah Datuk Paduka Seri Setia Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (DHMS) yang membawa gelaran Datuk Paduka sementara Sheikh Abdul Majid menerima darjah kebesaran Datuk Mursyid Diraja.

Sultan Kedah juga berkenan untuk mengurniakan darjah kebesaran Datuk Maha Kurnia kepada Datuk Dr. Foo Chee Keow.

Dua orang menerima Darjah Gemilang Seri Mahkota Kedah (DGMK) yang terdiri Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Syed Zain Syed Abdullah dan Ketua Staf Markas Angkatan Tentera Malaysia, Lt. Jeneral Datuk Mohd. Shahrom Nordin.

Seramai 35 orang pegawai kanan kerajaan negeri dan Persekutuan termasuk pegawai tinggi tentera dan polis, tokoh akademik serta ahli korporat dan menerima darjah Datuk Setia Diraja Kedah (DSDK) yang membawa gelaran Datuk.

Antara penerima DSDK ialah bekas johan qari tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa, Allahyarham Ismail Hashim. Yang lain ialah Tok Puan Nor Suzana Abdullah, Datin Seri Tengku Maliha Tengku Ariff, anggota Exco Md. Hassan Bulat, Penasihat Undang-Undang Negeri Zulkifli Bakar, Duta Besar Malaysia ke Pakistan, Sopian Ahmad.

Turut menerima DSDK ialah Pegawai Daerah Baling Shukri Hashim, Pegawai Daerah Langkawi Ismail Hamid, Hakim Mahkamah Rayuan Syariah Kedah, Sheikh Ahmad Ali, Ketua Polis Negeri, DCP Hairuddin Mohamed, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Dr. Nordin Yunus, Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Hassan Hashim.

Timbalan Ketua Setiausaha Satu Kementerian Tenaga Komunikasi dan Multimedia, Dr. Halim Shafie, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Belia dan Sukan, Mohd. Azmi Razak, Ketua Pengarah Perhutanan, Datuk Zulmukhsar Shaari, Ketua Pengarah Jabatan Perikanan, Hashim Ahmad, Timbalan Naib Canselor Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Dr. Mohammed Noor Embi.

Pengarah Perubatan Markas ATM, Mejar Jen. Dr. Ahmad Badrus Othman, Brig. Jen Hassan Md. Darus, Ketua Eksekutif Telekom Malaysia, Dr. Md Khir Abdul Rahman, Pensyarah Institut Agama Islam Kedah (Insaniah), Prof. Dr. Marzuki Mahmood, Pengarah Pusat Pembangunan Akademik UKM, Prof. Datin Dr. Sharifah Hapsah Syed Hassan Shahabuddin dan Bendahari Universiti Utara Malaysia (UUM), Maidin Syed Ali.

Menerima anugerah yang sama ialah Setiausaha Zakat Negeri, Sheikh Ghazali Yaakob, pensyarah Insaniah Sheikh Baderuddin Ahmad, ahli perniagaan Datuk Maznah Mamid, Mokhzani Mahathir, Rokiah Zainudin, Zakiuddin Harun, Halim Che Din, P. Balam, Lim Koon Sia, Chew Giok Koon, Tan Huat Sheng dan Mahmood Derani.

Sementara penerima tunggal darjah Setia Mahkota Kedah (SMK) ialah Pengarah Pembangunan Negeri, Syed Jamal Syed Jaafar Shahabudin.

Seramai 21 orang akan menerima bintang Setia Diraja Kedah (SDK), seorang SDK kehormat, 11 menerima Jaksa Pendamai, 64 Ahli Mahkota Kedah (AMK), 53 Bintang Cemerlang Kedah (BCK), 77 Pingat Cemerlang Kedah (PCK), 139 Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM), 353 Pingat Jasa Kebaktian (PJK) dan 60 menerima Pingat Perkhidmatan Lama (PPL).

Antara penerima SDK ialah Mohd. Noor Mohd Tahir dari UUM, Pegawai Daerah Bandar Baharu Rasli Bassir, Pengarah Perisikan Badan Pencegah Rasuah Shahr Abdul Rahman.

Penerima JP pula antaranya ialah bekas Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Paduka Ahmad Basri Mohd. Akil, Setiausaha Kerja UMNO Negeri, Senator Bakri Ali Mohamad dan bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Langkawi Ismail Yaakob.

Mereka yang menerima AMK antara terdiri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei, Ahmad Azlan Idris, Ketua Jabatan Bahasa Institut Bahasa Melayu Malaysia, Datin Azidah Abdul Hamid, Ketua Penolong Setiausaha Taman Budaya Negeri, Mohd. Bisharuddin Mohd. Noor Basha dan Pegawai Hal Ehwal Islam negeri Sheikh Uzir Baharom.

Penerima BCK pula terdiri daripada Ketua Penolong Pendaftaran UUM, Mohd. Zaini Nasri, Pengarah Mara, Zakaria Ismail dan Penolong Pentadbir Tanah I Kubang Pasu, Fathullah Suhaime Abd. Rahman.

Tiga pengamal media termasuk Penerbit Rancangan RTM Alor Setar, Merdziah Ibrahim menerima BCK, Mohd. Nizam Abdul Hamid dari Utusan Melayu antara yang menerima (BKM) sementara Teoh Boon Aik dari Guang Ming menerima PJK.